

## KPT belanja lebih RM260.8 juta bantu pelajar

Mac 19, 2021 @ 6:20pm



Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mansor Othman. - Foto NSTP/Faiz Anuar

**NIBONG TEBAL:** Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) membelanjakan lebih RM260.8 juta menerusi beberapa program bagi membantu pelajar di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sepanjang setahun pandemik COVID-19 melanda negara.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Dr Mansor Othman, berkata bantuan yang diberikan itu adalah antara langkah proaktif KPT dalam memastikan pelajar terjejas dapat meneruskan pelajaran.

"KPT menjalankan pelbagai langkah proaktif bagi membantu pelajar dan jumlah yang saya nyatakan itu adalah antara program serta bantuan yang dijalankan oleh kami (KPT)... jumlah keseluruhan sebenarnya jauh lebih besar sepanjang setahun pandemik COVID-19 melanda negara.

"Antara bantuan yang disalurkan ialah penyediaan makanan dan minuman kepada lebih 82,000 pelajar ketika mereka terkandas di IPT membabitkan lebih RM52 juta, bantuan sekali beri RM200 kepada 841,464 pelajar, bantuan pelan data B40 membabitkan peruntukan RM24 juta yang memberi manfaat kepada 320,396 pelajar dan bantuan peranti B40 bersasar iaitu RM13 juta," katanya kepada pemberita selepas jelajah Program Malaysia Prihatin di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia di sini.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha KPT, Datuk Seri Dr Mazlan Yusoff.

Terdahulu, Ahli Parlimen Nibong Tebal itu berkata jelajah Program Malaysia Prihatin dapat membantu menyebarkan dan memperjelas kepada rakyat berhubung inisiatif dan langkah-langkah diambil oleh kerajaan dalam menangani COVID-19.

Beliau berkata matlamatnya ialah supaya kefahaman dan penerimaan rakyat terhadap program pengurusan pandemik COVID-19 yang dirancang dan dilaksanakan dapat dipertingkatkan.

"Jelajah itu juga bagi memastikan pemimpin setempat dapat menyebarkan maklumat mengenai situasi semasa COVID-19 dan isu khususnya cabaran masyarakat setempat melindungi diri dan komuniti di samping meneruskan kelangsungan hidup dalam suasana norma baharu," katanya. – BERNAMA